


SULIT



**SKEMA JAWAPAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2014**



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

SET 2

**SKEMA JAWAPAN
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

SULIT

Bahagian A [30 markah]

Tugasan : KEPENTINGAN INTERNET

1. Memperluas lmu pengetahuan

- pelbagai maklumat atau ilmu pengetahuan diakses dengan cepat dan mudah
- memperoleh pelbagai informasi
- maklumat di hujung jari
- pengetahuan dari serata dunia dapat dicapai.

2. Mempercepat sesuatu urusan

- urusan pembayaran bil lebih mudah
- tidak perlu membuang masa beratur di bank atau di kaunter
- pembayaran mengikut waktu sendiri, cth MAYBANK2U
- memudahkan urusan masyarakat yang sibuk
- sangat efektif untuk memperluas perniagaan
- tidak memerlukan pengangkutan – jimat kos

3. Men geratkan hubungan silaturahim

- pelbagai laman sosial boleh diakses, cthnya Facebook, Twitter
- menghubungkan individu dari jarak jauh secara bersemuka –cth Skype
- bertanya khabar dan menceritakan perkembangan diri
- berkongsi resipi / petua dan informasi terkini

Contoh ungkapan menarik:

- maklumat di hujung jari
- dunia semakin kecil
- dunia tanpa sempadan
- masa itu emas

SULIT**Bahagian B [100 markah]****Soalan 1 :**

Tugasan : Tanggungjawab remaja untuk memastikan perpaduan dan keamanan negara terus terpelihara

Cadangan isi :

- i. Menghormati hak orang lain
 - belajar bertolak ansur
 - tidak berprasangka buruk terhadap orang lain
 - tidak menyimpan dendam, iri hati dan hasad dengki
- ii. Saling bertegur sapa
 - memberi salam dan ucapan selamat
 - bertanya khabar jiran dan rakan
 - menjalin hubungan mesra
- iii. Kunjung-mengunjung pada hari-hari perayaan
 - menghadiri rumah terbuka pada hari-hari perayaan seperti Hari Raya
 - menghormati perayaan kaum – mengetahui adat resan kaum lain
 - bersama-sama memeriahkan sambutan perayaan
- iv. Menziarahi jiran tetangga yang sakit
 - prihatin terhadap jiran tetangga – membantu membawa jiran ke hospital
 - membawa buah tangan / ubat ketika menziarahi jiran yang uzur
- v. Melibatkan diri dengan aktiviti Rukun Tetangga
 - membantu rondaan pada malam hari
 - mengambil tahu aspek keselamatan kampung
- vi. Memberi bantuan kepada jiran-jiran yang memerlukan pertolongan, tenaga dan wang ringgit.
 - amalkan sikap ringan tulang
 - mengadakan kelas tuisyen untuk anak jiran
 - melakukan kutipan derma untuk jiran yang memerlukan

Contoh ungkapan menarik:

- jiran sepakat membawa berkat
- bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat
- ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- cubit paha kanan, paha kiri terasa sakitnya

Soalan 2

Tugasan : Teknik komunikasi berkesan yang dipraktikkan oleh ibu bapa

Cadangan isi :

- i. Menggunakan bahasa yang lembut dan berkesan
 - elakkan perkataan yang membawa maksud menyindir
 - tidak membandingkan anak-anak
 - memuji / menghargai sikap positif anak-anak
 - jangan membandingkan anak-anak dengan orang lain
- ii. Mewujudkan kemesraan supaya anak-anak tidak berasa tertekan apabila dinasihati
 - memberi bimbingan dan panduan dengan bahasa yang sopan
 - amalan makan bersama dengan anak-anak
 - cakna sebarang masalah yang dihadapi oleh anak
- iii. Menyampaikan mesej secara kreatif dan pelbagai kaedah
 - bercerita
 - menghantar mesej pesanan ringkas
 - panggilan telefon
 - e-mel
 - laman sosial seperti Facebook dan Twitter
- iv. Menjadi pendengar yang baik kepada anak-anak
 - memperuntukkan masa yang berkualiti
 - tidak menganggap remeh aduan / keluhan anak-anak
 - beri pandangan positif dan jalan penyelesaian

SULIT

- v. Memastikan komunikasi berlaku secara dua hala
 - elakkan tabiat berleter
 - tunggu masa yang sesuai seperti semasa lepas makan
 - semasa anak-anak telah bersedia

- vi. Menasihati dan menegur anak-anak secara ikhlas
 - pendekatan memujuk
 - mengulangi teguran dan nasihat tanpa jemu
 - menunjukkan kepada anak-anak bahawa anak-anak sangat penting kepada mereka

Ungkapan menarik

- anak-anak asset yang sangat bernilai
- umpama menarik rambut di dalam tepung, tepung jangan berselerak, rambut jangan terputus
- anak-anak umpama kain putih, ibu bapa yang mencorakkannya
- sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
- bagai menatang minyak yang penuh

Soalan 3

Tugasan : Memelihara Kebersihan Sungai Tanggungjawab Bersama

Format : Rencana

2 markah ditolak jika tiada:

Tajuk -1 markah

Penulis -1markah

Cadangan isi :

i. Individu

- tidak membuang sampah ke dalam sungai
- meningkatkan kesedaran diri tentang kepentingan sungai
- tidak melakukan aktiviti yang merosakkan ekologi sungai seperti mengebom ikan dan menuba ikan.

SULIT

- ii. Keluarga
 - ibu bapa mendidik anak-anak agar menghargai air dan mencintai sungai
 - menunjukkan contoh yang baik terhadap anak-anak
 - menjelaskan kebaikan sungai yang bersih sebagai pusat rekreasi, sumber mineral dan keperluan harian
 - membawa anak beriadah di tepi sungai dan air terjun
- iii. Institusi Pendidikan
 - kurikulum alam sekitar di sekolah merentasi subjek Geografi, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.
 - aktiviti kokurikulum diadakan di tepi sungai melalui persatuan, kelab dan unit beruniform
- iv. Peranan kerajaan
 - mengadakan kempen Cintailah Sungai Kita
 - menguatkuasakan undang-undang (Akta Air 1920)- Denda RM2000 atau penjara setahun .
 - memulihkan sungai tercemar seperti Sungai Kelang dan Sungai Melaka
 - menghidupkan sungai dengan aktiviti sukan air seperti berkenu dan berenang
- v. Media massa
 - media elektronik dan media cetak memainkan peranan mempromosi maklumat dan informasi berkait kepentingan sungai.
 - dokumentari dan iklan bertemakan sungai disebar luas bertujuan mempromosikan kempen yang dilancarkan oleh kerajaan.

Contoh ungkapan menarik:

- Cintailah Sungai Kita
- sungai khazanah alam yang sangat berharga
- sungai itu kehidupan
- sungai mati [Sungai Juru dan Sungai Pinang]

Soalan 4

Tugasan : Usaha negara untuk memajukan pelancongan kesihatan

Cadangan isi :

- i. Meningkatkan kepakaran dalam bidang perubatan
 - menambahkan doktor pakar
 - prasarana di hospital bertaraf lima bintang
 - perkhidmatan yang cekap
- ii. Layanan yang mesra
 - kakitangan hospital
 - rakyat negara berkenaan
 - wajah manis menarik perhatian pesakit
 - sapaan yang sopan dan sikap cepat membantu
- iii. Pakej pelancongan perubatan yang menarik
 - kos perubatan yang berpatutan
 - kemudahan tempat penginapan.
 - kempen menarik pelancang melalui Kementerian Pelancongan dan kebudayaan Malaysia di luar negara
- iv. Media massa mempromosi pelancongan kesihatan
 - media cetak dan elektronik
 - sebaran secara meluas, berterusan dan berkesan.
 - memperkenal jenis perubatan di negara masing-masing
- v. Menaik taraf perubatan tradisional.
 - kajian penyelidikan secara saintifik
 - mengiktiraf herba yang mempunyai nilai perubatan
 - rawatan alternatif untuk merawat penyakit kanser
- vi. Aktiviti pelancongan
 - pusat beli-belah dan tempat rekreasi berhampiran dengan pusat perubatan
 - hospital dibina berhampiran tempat bersejarah atau pusat pelancongan tanah tinggi.

SULIT

Ungkapan menarik

- sambil menyelam minum air
- serampang dua mata
- Malaysia syurga beli-belah dunia
- hanya jauhari mengenal manikam

Soalan 5

Tugasan : Diharapkan calon dapat menulis sebuah cerita yang menjelaskan ungkapan yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan

Format : Tiada

SKEMA JAWAPAN TAMAT